



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

BAGI

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RESIDENSI
WILAYAH RESIDENSI WANGSAMAS**

JALAN WANGSA DELIMA, WANGSA MAJU, WP KUALA LUMPUR

**22 SEPTEMBER 2019 (AHAD)
JAM 11.30 PAGI**

Salutasi (Akan diberikan pada hari kejadian)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn. Bhd. dan Syarikat bersekutu Era Ecoland Sdn. Bhd. kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan **Majlis Penyerahan Kunci RESIDENSI WILAYAH Residensi Wangsamam** hari ini.
3. Program perumahan mampu milik RESIDENSI WILAYAH adalah bertujuan untuk merealisasikan impian warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan untuk memiliki kediaman sendiri pada harga mampu milik.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Residensi Wangsamam ini mempunyai 441 unit yang dijual pada harga RM198,000.00, mempunyai 3 bilik tidur, 2 bilik air dan 1 tempat letak kereta berbumbung bagi setiap unit. Projek ini telah siap dibina 10 bulan lebih awal dari tarikh jangkaan siap pembinaan.
5. Ia terletak berhadapan dengan kemudahan pengangkutan awam iaitu LRT Sri Rampai. Sebagai inisiatif daripada pihak pemaju, sebuah jejambat telah dibina khusus untuk kemudahan penduduk dan orang ramai untuk ke LRT tersebut yang jaraknya hanya 50 meter dari Residensi Wangsamam. Ini sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam menggalakkan warga kota untuk menggunakan pengangkutan awam.

6. Residensi Wangsamias ini terletak di lokasi yang strategik iaitu di pinggir kota, ia akan menjimatkan masa penduduk yang bekerja di ibu kota berulang alik ke tempat kerja. Selain itu, ia berdekatan dengan kemudahan-kemudahan lain seperti kompleks sukan, taman rekreasi dan pusat membeli-belah seperti AEON Big Wangsa Maju dan Wangsa Walk yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti restoran dan aktiviti lain untuk seisi keluarga. Kemudahan-kemudahan seperti ini dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup keluarga.
7. Melalui program RESIDENSI WILAYAH, Aset Kayamas telah pun membina dan menyerahkan kunci kepada pembeli sebanyak 5,820 unit iaitu Residensi Pandanmas, Residensi Pandanmas 2, Residensi Sentulmas, Residensi Puchongmas, Residensi Razakmas, Residensi Gurneymas dan Residensi Jalilmas.
8. Manakala 1,514 unit lagi akan siap dibina pada tahun ini melibatkan pembangunan Residensi Kepongmas yang akan diserahkan kunci pada bulan Oktober ini.
9. Saya dimaklumkan terdapat berita baik untuk penduduk Residensi Wangsamias yang hadir pada hari ini, pihak pemaju dengan berbesar hati telah menyediakan cabutan bertuah untuk 5 pemilik Residensi Wangsamias yang merupakan rebat tunai untuk pakej ubah suai (*renovation*) yang bernilai RM5,000.00 setiap pemilik.
10. Oleh itu, saya amatlah menghargai komitmen dan dedikasi pemaju dalam usahasama menjayakan program Residensi Wilayah dan membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik untuk warga Wilayah Persekutuan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

11. Kerajaan menyedari keperluan rumah mampu milik di Kuala Lumpur. Ramai penduduk ibu kota memerlukan lebih banyak rumah sebegini. Untuk itu, kerajaan sedang berusaha ke arah itu.
12. Semalam saya telah mengadakan sesi town hall dengan pemilik tanah di Kampong

Bharu. Jika cadangan kerajaan untuk membuat pembangunan semula Kampong Bharu, kita akan bina 45,000 unit kediaman di situ. 50% darinya adalah rumah mampu milik atau Residensi Wilayah ini. Kita harap ia akan memenuhi keperluan rumah di Kuala Lumpur.

13. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Wilayah Residensi Wangsamas pada hari ini. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.